

Sebab2 Yee Pan ditamatkan khidmat sebagai menteri

(P) KUALA LUMPUR 15 Sept. - Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan bahawa beliau menamatkan khidmat Pemangku Presiden MCA, Datuk Dr. Neo Yee Pan sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan setelah tidak nampak cara lain menyelesaikan krisis MCA.

Dalam satu temuramah dengan akhbar 'Merdeka.'

Perdana Menteri berpendapat bahawa seseorang pemimpin mestilah mengutamakan parti dan bukan dirinya sendiri sahaja.

Menurut beliau, setiap pemimpin mesti sanggup mengorbankan kepentingan diri untuk kebaikan parti.

"Seseorang yang tidak sanggup berbuat demikian tidak lagi layak menjadi pemimpin parti dan mewakilinya dalam kerajaan," kata Datuk Sri Dr. Mahathir.

Akhbar Merdeka menyatakan itulah sebab - sebabnya Datuk Dr. Neo diberhentikan dari jawatan jemaah menteri.

Laporan itu menambah, memandangkan Datuk Dr. Neo tidak mahu bertolak ansur sama sekali, maka Barisan Nasional boleh menganggap beliau sebagai mengancam kewibawaan Barisan Nasional.

Akhbar tersebut menyatakan jika Datuk Dr. Neo tidak langsung mahu bekerjasama menolong Barisan Nasional, maka penyertaannya dalam kerajaan sudah tidak bermakna lagi, dengan

itu beliau diberhentikan dari jawatan menteri.

Laporan tersebut juga menyebut bahawa Perdana Menteri pada mulanya enggan menggugurkan jawatan Datuk Dr. Neo walaupun ada pihak - pihak dalam MCA sendiri berpendapat kedudukannya sebagai menteri memberi perlindungan dan status yang tidak sejajar dengan kelemahan kepimpinannya.

Katanya, Datuk Dr. Neo kemudian diminta supaya tidak bertanding jawatan Presiden MCA selari dengan pengakuan Encik Tan Koon Swan untuk menarik diri dari pertandingan tersebut, tetapi beliau enggan berbuat demikian.

Oleh itu, menurut Merdeka sebagai jalan tengah, rakan - rakan Datuk Dr. Neo dan pengikut - pengikut Encik Tan berpendapat bahawa Datuk Mak Hon Kam patut mengambil alih jawatan pemangku presiden tanpa pengetahuan MCA dan Barisan Nasional.

LIHAT MUKA 6

Sebab2 Yee Pan ditamatkan khidmat

Dalam pada itu, akhbar itu menyatakan sekiranya Datuk Dr. Neo masih presiden maka beliaulah orang yang akan bertanggungjawab mengesyorkan calon - calon dalam pilihanraya yang mungkin akan mendedakan kemudaran jika beliau sendiri tidak mempunyai sokongan.

Memandangkan kepada

UM 16 SEP 1985
hakikat inilah maka adalah penting Datuk Dr. Neo tidak melengahkan krisis MCA dan menjadi penghalang kepada penyelesaiannya.

Sementara itu, menyentuh kepimpinannya, akhbar tersebut menyatakan orang - orang Cina yang dahulunya mengangap Datuk Dr. Neo

sebagai penghalang penyelesaian krisis MCA sekarang mendakwa penyingkirannya disebabkan oleh ketegasannya.

Di samping itu, Merdeka mendakwa kononnya ada anasir kiri yang ingin mengekalkan krisis sekarang telah menyebarkan cerita bahawa Datuk Dr. Neo ditekan oleh UMNO.